



**MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA MALAYSIA
NATIONAL COUNCIL OF WOMEN'S ORGANISATIONS MALAYSIA (NCWO)
(MEMBER OF ASEAN CONFEDERATION OF WOMEN'S ORGANISATIONS)**

46, Jalan 14/29, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: (603) 7954 3008 Faks: (603) 7954 2881
Laman Web: www.ncwomalaysia.org.my E-mel: ncwohq@yahoo.com

NCWO.OG/2021/05/039

21 Mei 2021

Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin
Perdana Menteri Malaysia
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Persekutuan
62502 Putrajaya

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera Yang Amat Berhormat

MENJAMIN KESELAMATAN SEKOLAH – *KEEP OUR SCHOOLS SAFE*

Terlebih dahulu saya bagi pihak Pengurusan dan EXCO NCWO menyampaikan salam Idulfitri kepada YAB Tan Sri dan keluarga dan memohon ribuan maaf seandainya terdapat kesilapan dengan diiringi doa limpahan rahmat Allah bagi kepimpinan YAB untuk kesejahteraan negara, serantau dan dunia.

2. Seperti YAB sedia maklum NCWO adalah gabungan pertubuhan NGO yang mewakili wanita pelbagai keturunan, kepercayaan, ideologi, status sosio-ekonomi, profesi dan minat. Sebagai gabungan NCWO tidak memihak (*non-partisan*) dan hanya berjuang untuk kemajuan dan pemerkasaan wanita, serta anak-anak dan keluarga mereka berasaskan hak asasi manusia, kesaksamaan gender dan prinsip pembangunan, keadilan dan kedamaian.

3. Merujuk kepada perkara yang tersebut di atas izinkan saya menyampaikan luhan hati kira-kira 200 pertubuhan wanita yang bergabung dengan NCWO pada peringkat Kebangsaan dan Negeri. NCWO memandang berat tentang reaksi yang diberi oleh pihak berkuasa terhadap aduan gangguan seksual dan ancaman rogol dalam media posting seorang murid perempuan. Tindakan yang diambil bukan sahaja lewat tetapi pada peringkat awal seolah-olah mengetepikan aduan ini dan menganggapnya sebagai jenaka dan remeh. Murid ini tertekan dengan pelbagai tohmahan, cerca dan maki hamun, malahan menerima surat notis buang sekolah daripada pihak sekolah.

4. NCWO kecewa dengan perkara yang terjadi. Maki hamun yang murid ini terima dalam media sosial mencerminkan bukan sahaja tingkahlaku dan etika buruk tetapi juga tanggapan tidak sihat tentang gangguan seksual dan jenayah rogol di kalangan netizen, dan mungkin juga masyarakat umum. Dari segi sekolah dan sistem Pendidikan jelas aduan murid ini tidak diberi perhatian berat, malahan beliau tidak menerima perlindungan dan berasa dirinya tidak selamat untuk terus hadir ke sekolah.

5. Apa yang lebih menyedihkan, sejak tercetusnya kemelut ini banyak lagi kes gangguan seksual termasuk pemeriksaan haid, dilaporkan seolah-olah ini adalah masalah yang terbenam dan lazim berlaku di sekolah dan yang nyata hanyalah *tip of the iceberg*. Kebisuan sebelum ini mungkin disebabkan ketakutan dimangsakan. Keadaan ini memberi

gambaran bahawa persekitaran sekolah tidak selamat bagi murid yang mengalami atau diancam gangguan seksual.

6. Pepatah Melayu berkata “kerana nila setitik, rosak susu sebelanga”. Malangnya kejadian ini mencemarkan seluruh sistem Pendidikan negara pada kacamata rakyat. Ini adalah tidak adil bagi ramai pentadbir sekolah dan guru-guru yang NCWO percaya adalah berdedikasi dan mengutamakan kepentingan murid.

7. NCWO yakin sistem Pendidikan yang lahir daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang dilancarkan semasa YAB menerajui Kementerian Pendidikan telah dapat mencapai visi dan dua aspirasi besar yang berazam memenuhi (a) aspirasi sistem Pendidikan dan (b) aspirasi murid.

8. Sebagai peringatan, transformasi sistem Pendidikan menjamin kecekapan dalam memberi akses kepada kejayaan, kualiti yang berstandard tinggi, ekuiti bagi semua murid dan memupuk perpaduan. Dari segi murid, hasilnya bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga mahir berfikir, memimpin, beretika, bermoral dan beridentiti nasional. Pelan ini telah pun memasuki gelombang ke-3 pelaksanaan pada tahun 2021 dan sepatutnya menganjak ke arah kecemerlangan dan keluwesan operasi. Justeru perkara yang menghambat atau memberi gambaran negatif kepada pelaksanaan dan pencapaian Pelan ini hendaklah di tangani dengan segera dan berkesan.

9. Malaysia adalah negara yang akur *Convention on the Rights of the Child* (CRC), bererti kita mempunyai kewajipan melindungi dan memelihara hak kanak-kanak serta mempunyai tanggungjawab bertindak untuk memenuhi hak dan kepentingan terbaik kanak-kanak. Malaysia juga akur *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW). Kita juga mempunyai beberapa undang-undang yang patut dipatuhi, seperti Akta Kanak-Kanak, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak, dan Akta Keganasan Rumah Tangga. Justeru amat penting Kerajaan terus membuktikan kepekaan dan melaksanakan langkah-langkah melindungi hak kanak-kanak dan wanita.

10. NCWO mencadangkan perkara berikut:

- a. aduan murid ini disiasat oleh sebuah badan bebas yang diyakini rakyat. Hasil siasatan dan tindakan yang diambil hendaklah dibawa kepada pengetahuan umum supaya budaya ketelusan ini dapat menyubur semula atau meningkatkan keyakinan rakyat kepada pelaksanaan visi dan aspirasi Sistem Pendidikan Negara.
- b. Kerajaan meningkatkan lagi kepekaan dan usaha memberi tindakbalas yang tepat dan cepat dari pihak penguatkuasa terhadap isu gangguan seksual yang dihadapi oleh mangsa terutamanya murid sekolah untuk membanteras spekulasi dan desas-desus tidak sihat, serta memastikan persekitaran sekolah selamat daripada gejala-gejala ini.
- c. Kerajaan menyediakan geran bagi membiayai penyelidik-penyalidik menjalankan kajian untuk menentukan prevalens gangguan seksual dan ancaman rogol, tahap pengetahuan tentang jenayah ini di kalangan murid, guru dan pentadbir sekolah serta kemahiran mengendalikan aduan dengan menggunakan protokol dan prosedur yang boleh diterimaknai.
- d. Kerajaan menitikberatkan lagi aspek gangguan seksual, rogol, Undang-Undang yang berkaitan, Kod Etika Guru dan kepekaan gender dalam Pendidikan dan Latihan Profesional Berterusan Guru ke arah menambahbaik kebolehan pendidik melindungi kanak-kanak dan menyediakan persekitaran sekolah yang selamat. Keutamaan harus diberi kepada pemupukan minda yang peka gender, menghormati integriti tubuh individu, melindungi hak asasi dan maruah (*dignity*) kanak-kanak dan wanita.
- e. Kerajaan menggerakkan dengan lebih aktif anjakan ke-9 dalam PPD 2013-2025 untuk meluaskan kerjasama dengan ibu-bapa, komuniti dan sektor swasta. Dalam hal ini banyak NGO termasuk NCWO mempunyai pengalaman yang kami sedia


berkongsi untuk menangani isu-isu berkaitan kesihatan reproduktif, kepekaan gender, gangguan dan jenayah seksual serta hak kanak-kanak dan wanita.

- f. Kerajaan mempercepatkan penggubalan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual dan Rang Undang-Undang Diskriminasi Gender untuk dibahas dan diluluskan Parlimen serta merta.

Bagi pihak NCWO saya berdoa Yang Amat Berhormat akan terus berjaya memimpin negara dengan cemerlang.

Terima kasih kerana memberi perhatian. Wabillahi taufik wal hidayah, wassalammu 'alaikum wa rahmatullahi wa barokatuh.

Yang Ikhlas,



Prof Emerita Tan Sri Dato' Seri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin
Yang Dipertua NCWO Malaysia

Salinan:

YB Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin
Menteri Pendidikan Malaysia

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

YBhg Ketua Pengarah Pendidikan